

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Hari Raya Haji mercu perjuangan kerohanian dan kemanusiaan

Harapan kita agar yang berhaji semakin tebal beriman dan rasa mendalam sebagai insan, dan hidup beramalkan ihsan

“Ibadah haji mencerminkan kepulanganmu kepada Allah yang mutlak, yang tidak memiliki keterbatasan, dan yang tak diserupai oleh sesuatupun jua. Pulang kepada Allah adalah sebuah gerakan menuju kesempurnaan, kebaikan, keindahan, kekuatan, pengetahuan, nilai, dan fakta-fakta.”

– Antara kupasan oleh Ali Shariati dalam bukunya Haji (1983)



– Foto EPA-EFE



DR AZHAR IBRAHIM

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.

Hari Raya Aidiladha, atau Hari Raya Haji, ialah hari kebesaran umat Islam yang tawaduk disambut, sedikit berbeza daripada Aidilfitri.

Apabila menyebut Hari Raya Haji, ia akan mengundang kita memikirkan ibadah haji ke Tanah Suci, hikmah peristiwa korban Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail, dan ibadah penyembelihan haiwan korban.

Menariknya semua ini sering dibuat renungan, kenangan dan iktibar demi mendapatkan keredaan Tuhan yang lebih besar.

Menunaikan ibadah haji tercantum sebagai rukun Islam yang wajib dilakukan oleh umat yang beriman. Terkadang ibadah ini dianggap sebagai kemuncak dalam kehidupan keberagamaan seseorang.

Maka peristiwa menunaikan haji, dicatat dengan khusus dan gemilang oleh tokoh masyarakat. Munshi Abdullah (1796-1854), menulis dalam karya beliau yang terakhir, Kisah Pelayaran ke Jeddah (Jeddah), mengakhiri karya tersebut dengan bait syair yang belum tersempurna penuh:

*“Serta masuklah aku ke dalam negeri yang mulia
Maka terpujalah aku akan nikmat dan kesukaan di
nina
Seperti mendapat syurga dengan isinya sedia
Mengucaplah aku seribu-ribu syukur akan Tuhan yang
Maha Mulia
Terpujalah aku beberapa kesusahan dan siksa di jalan
Oleh sebab berahi dan rindu akan Baitullah beberapa
bulan.
.....”*

Begitulah banyak ungkapan yang merindukan Tanah Suci. Sayangnya bagi Munshi Abdullah tiada sempat beliau menyempurnakan ibadah haji kerana terlebih dahulu menyahut panggilan Tuhan.

Sebuah syair dari Nasir Khusraw, penyair Parsi abad ke-11, merakam soal jawab antara dia dan sahabatnya yang baru menunaikan ibadah haji.

Ditanyakan ke sahabat itu adakah beliau sempat merenung dalam, mengenali Tuhan, insaf membuang sikap pentingkan diri, membuang sifat ketamakan dan sedia berkorban untuk mereka yang memerlukan, serta insaf menjauhi kejahatan.

Juga adakah dia merindukan Kaabah, agar kelak nanti kembali lagi ke Tanah Suci.

Sahabatnya itu menjawab: “Tidak. Semua yang engkau pertanyakan ini/tidak satupun yang kumengerti!”

Khusraw langsung menegur: “Wahai Sahabat! Sesungguhnya engkau belum menunaikan ibadah haji!”

“Sesungguhnya engkau belum taat kepada Allah! “Memang engkau telah pergi ke Makkah untuk mengunjungi Kaabah.

“Memang engkau telah menghamburkan wang untuk membeli kekeraan padang pasir!”

Ertinya jangan sampai melakukan ibadah ini, tanpa ia membawa dan memahamkan pengertian makna ibadah haji pada tingkat zahir dan batin.

BERHARAP HAJI MABRUR

Itulah yang disebutkan sebagai haji mabrur. Dalam bahasa Arab, mabrur merujuk kepada kebaikan atau menjadi baik. Bagi yang menunaikan haji, itulah harapan dan doa yang terpalang diijatkan.

Nurcholish Madjid, menghuraikan makna sebenar dari kemabruran ini:

“Al-Hajjau'l mabrur itu adalah haji yang menjadikan orang setelah melakukannya, atau sepulangnya ke kam-

pung, dia memiliki komitmen sosial yang lebih kuat. Jadi meningkatnya komitmen sosial itulah sebetulnya yang menjadi indikasi dari kemabruran.

“Iaitu, sepulangnya melakukan haji, ia menjadi manusia yang baik, jangkauan amal dan ibadahnya jauh ke depan dan berdimensi sosial.”

Keterbalikan dari ini adalah haji yang kosong maknanya, tinggal gelar dan sanjungan luaran. Sedangkan amalan seseorang itu tidak pernah menerbitkan kebaikan kepada dirinya dan masyarakat di sekelilingnya.

PERJALANAN HAJI MENGINSAFI

Perjalanan menunaikan ibadah haji pasti harus ditempuh dengan banyak dugaan dan kesabaran. Cerita dari tradisi Sufi pernah membilang tentang pasangan suami isteri yang berangkat ke Tanah Suci dengan bekal seadanya.

Sebelum sampai ke Tanah Suci, mereka melalui perkampungan miskin yang sedang dilanda kebuluran. Remuk hati mereka melihatnya. Setelah berfikir panjang, diserahkan bekal makanan untuk penduduk kampung. Perjalanan ke Tanah Suci lantas, dibatalkan. Pulanglah mereka ke rumah.

Sesampai di pintu, mereka disambut oleh seseorang yang berpakaian putih bersih. Dikhabarkan bahawa kedua pasangan tersebut sudah dianugerahkan haji yang mabrur dari Tuhan.

Orang berjauhan putih itu pun beredar. Sebenarnya itulah malaikat yang membawa khabar gembira dari Tuhan ke pasangan tersebut. Kebajikan mereka berbagi makanan sudah diperkirakan sebagai ibadah mulia. Walau niat tidak kesampaian menjajackan kaki ke Tanah Suci, kebajikan tersebut sudah menjanjikan haji mabrur kepada mereka.

Itulah yang disebut bahawa haji mabrur itu adalah hak perogatif Tuhan kepada hamba-Nya. KH Husein Muhammad dalam bukunya *Spiritualitas Kemanusiaan: Perspektif Islam Pesantren* (2006) menyebut bahawa ibadah haji itu adalah perjuangan kemanusiaan.

Dari bertawaf, bersai, berwuquf, melontar jamrah, dan berkorban, semuanya mempunyai simbol mendapatkan keredaan Tuhan, serta kebaikan itu ditumpahkan pula kepada kemanusiaan di sekeliling kita.

Dalam menjalankan ibadah itu, harus dapat berfikir beribadah bersama, tidak mementingkan diri saja, saling sama merasa dan berbagi.

Ini yang dipesankan KH Mustofa Bisri, yakni harus diberikan keutamaan dalam penataran manasik haji ialah “Hal-hal yang bersifat akhlaqi, bukan semata fiqhi.”

Ini kerana, tegas beliau, ibadah haji itu: “bersifat kolektif dalam erti dilaksanakan bersama-sama, fiqah sosial seharusnya mendapat tempat yang sama, kalau tidak lebih...” Itulah sisi manusiawi yang harus tampil.

MENDAPATKAN KEAMPUNAN DAN KEREDAAN

Bagi umat yang beriman, sering diperingatkan bahawa pengampunan dari Tuhan adalah antara jalan untuk mendapatkan balasan syurga. Cerpen berjudul “Mbok Yem” oleh Mustafa Bisri, sangat menginsafkan.

Mbok Yem dan suaminya, Mbok Joyo, adalah pasangan tua yang menjalankan ibadah haji. Namun sewaktu melampar jamrah, Mbok Joyo telah hilang. Hampir putus nyawa isterinya mencari dan meraung akan kehilangan-

Namun setelah sampai di Mina, sudah terkejut Mbok Joyo, sambil senang memakan buah-buahan. Rupa-rupanya dia telah dihantar ke Mina oleh seorang lelaki yang baik. Mbok Joyo tidak kenal lelaki itu, hanyanya disebutnya “seorang muda yang gagah dan ganteng.”

Mbok Yem percaya ini adalah ganjaran daripada kebajikan suaminya itu. Sebenarnya Mbok Yem pada zaman muda seorang kupu-kupu malam. Mbok Joyolah yang telah mengambilnya menjadi isteri, dan memulakan kehidupan baru.

Diceritakan begini: “Mbok Yem dan Mbok Joyo memulai kehidupan yang sama sekali baru. Di samping mendampingi Mbok Joyo bertani, Mbok Yem berjualan pecel, kemudi meningkat dengan membuka warung makan kecil-kecilan.

“Dan sebahagian daripada hasil pekerjaan mereka itu mereka tabung sedikit demi sedikit. Bahkan mereka rela hidup tirakat demi mencapai cita-cita mereka: naik haji.

“Mereka mempunyai keyakinan bahawa dosa-dosa mereka hanya bisa benar diampuni apabila beristighfar di tanah suci, Masjidil Haram, di Arafah, di Muzdalifah, dan di Mina. Seperti kata Pak Kiai di kampungnya, haji yang mabrur tidak ada balasnya kecuali syurga.

“Ternyata baru setelah setua (usia) itu, wang yang mereka tabung cukup untuk ongkos naik haji.”

Cerpen ini berakhir dengan sangat mengharukan. Mbok Yem akhirnya pergi menyahut panggilan ilahi setelah sempat menceritakan tentang suaminya, yang sebenarnya juga sudah terbujur di pembaringan.

Merekaalah contoh insan yang bersungguh mencari pengampunan Tuhan. Rupanya Tuhan menyahut perminta mereka.

Beruntunglah mereka yang mendapatkan pengampunan Tuhan. Beruntung pula bagi mereka yang tersentuh hidayah kesedaran selepas menjalani ibadah haji.

Itulah yang dirasakan oleh Rosihan Anwar, seorang wartawan terkenal dari Indonesia setelah pulang dari haji:

“Sejak kembali dari Makkah pada tahun 1957, saya mulai banyak membaca buku tentang Islam.

“Bahkan saya memberanikan diri menulis tentang soal-soal agama Islam dalam harian Pedoman....Percikan Permenungan Wak Haji, ialah percakapan antara Wak Haji dengan Haji Wa'ang.

“Selangkah demi selangkah saya mencernakan dan memahami beberapa hal yang mendasar dan bersifat pokok dari Islam. Islam mendekati kehidupan dan masalah-masalah secara keseluruhan. Islam mulai dengan membuat manusia insaf akan kedudukannya yang khas dalam alam jagat raya.”

Perubahan sebeginilah yang dicari oleh mereka yang menjalankan ibadah haji dengan harapan bukan saja amalan mereka diterima Tuhan, tapi kebajikannya pula menumpah kepada kesejahteraan kepada masyarakat yang banyak.

HIKMAH DARI IBADAH KORBAN

Dengan sebutan Hari Raya Korban, terpanggil kita merenung akan makna korban itu sendiri. Melakukan pengorbanan ialah usaha mulia, dan ia boleh merangkumi pengorbanan masa, tenaga, harta dan komitmen atau niat.

Begitu juga yang terkandung dalam menjalankan ib-

dah korban. Huraian oleh Nurcholish Madjid tentang cakupan korban wajar diperhatikan:

“Sesungguhnya dalam berkorban itu yang penting ialah sikap batin kita. Tindakan-tindakan lahiriah tetap penting, tapi hanya kalau memang merupakan ekspresi jujur niat kita itu.

“Maka dalam Aidiladha kita memang dianjurkan untuk melakukan korban, mencontoh Nabi Ibrahim, dengan menyedekahkan haiwan bagi orang lain, khususnya kaum miskin.

“Tapi kita juga diingatkan dalam Kitab Suci bahawa yang akan diterima oleh Allah, yang betul-betul akan menjadi “korban” (iaitu membuahkan kedekatan kepada Tuhan Yang Maha Esa), bukanlah fizik haiwan korban itu, melainkan nilai takwa yang ada dalam jiwa kita.”

Pengorbanan yang sebenar-benarnya itu sayugia tidak kenal erti kelelahan, mahupun mendapat pembalasan. Melakukannya kerana kita wajib memberikan hak pada yang lain, sudah tentu menjadi suruhan Tuhan.

BERHAJI DI KOTA SUCI

Ibadah di kota suci, yakni Makkah dan Madinah, pastinya dapat membuka cakrawala sejarah bagi umat Islam.

Kalau Kota Madinah, tempat Rasulullah mengisytiharkan hak asasi manusia yang terpahat dalam Piagam Madinah, kota Makkah adalah tempat berkumpulnya umat Islam beribadah tanpa memperkirakan mazhab dan aliran, semuanya sama sebagai tetamu Tuhan.

Pemerhatian KH Husein sangat bagus direnung bersama:

“Maka sungguh menarik bahawa mereka di tempat ini ternyata dapat bersatu dan saling menghormati satu sama lain.

“Mereka tidak mempertanyakan atau memperdebatkan semua latar belakang yang beragam tersebut.

“Antara mereka sama sekali tidak menyakit atau menuduh yang lain sebagai sesat dan menyesatkan, tidak mengafirkan apalagi memusyrikkan. Semuanya bisa saling berdampingan, berjalan beringan dengan damai, saling menolong, bahkan juga tidak jarang saling memberi makanan.

“Mereka menjadi makmum dari seorang imam yang bukan mazhab mereka. Andai kata mereka bisa tetap mempraktikkan kebersamaan dan saling menghormati seperti itu ketika kembali ke negaranya, dan di manapun di atas bumi Tuhan ini, nescaya kehidupan akan menjadi indah.”

Moga tahun ini, umat Islam yang menjalankan ibadah haji terus mendapat keredaan Tuhan dengan haji yang mabrur, serta doa jutaan umat Islam agar manusia terlepas dari kesengsaraan, penderitaan dan peperangan di sahuti Tuhan.

Kita sudah dengan bait terpilih dari “Syair Selamat Hari Raya Haji.” Ia ditulis oleh seorang Cina Peranakan, yang menggunakan nama pena Kalam Langit. Sebenarnya ia adalah nama pena bagi Na Tien Piet, yang tersiar dalam akhbar Bintang Timur di Singapura pada 1895. Ia berbunyi begini:

*“Selamat segala yang pergi haji
Orang baik memegang janji
Tentu namanya mendapat puji
Tiada mendapat nama yang keji
Lamun sudah pergi ke Makkah
Jangan ingat lagi bermuka
Segala orang tiada yang suka
Tuhan Allah juga nanti murka
.....*

*Hari Raya Hajilah berhimpun ke sana
Berkumpul orang dari mana-mana
Menggenapkan rukun Islam sempurna
Ka Padang Arafah padang saujana
Amat banyak orang bukan sebagai
Segenap negeri orang yang pergi
Berhimpunlah orang dari pagi pagi
Siapa yang ketinggalan dapat rugi
Ramainya sangat waktunya itu
Berlaksa orang yang pergi ke situ
Penuhlah di Padang Arafah tentu
Setiap tahun adatnya begitu.”*

Himpunan jemaah haji di Padang Arafah itulah yang disebut sebagai Haji Akhbar yang dimulai pada 9 Zulhijah. Kupasan oleh Ali Shariati dalam bukunya Haji (1983), banyak terkandung pesan hikmahnya, antaranya:

“Ibadah haji mencerminkan kepulanganmu kepada Allah yang mutlak, yang tidak memiliki keterbatasan, dan yang tak diserupai oleh sesuatupun jua. Pulang kepada Allah adalah sebuah gerakan menuju kesempurnaan, kebaikan, keindahan, kekuatan, pengetahuan, nilai, dan fakta-fakta.”

Itulah doa harapan kita agar yang berhaji pula semakin tebal beriman dan rasa mendalam sebagai insan, dan hidup beramalkan ihsan. Sambutlah Hari Raya Haji ini dengan doa semoga keimanan dan kemanusiaan kita terus mengungguli.